

NO. SOALAN: 102

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]

RUJUKAN : 10094

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) setakat ini, berapa ramaikah permohonan bagi pembetulan status agama dalam Mykad di negeri Sabah, khususnya dari kalangan masyarakat bukan muslim; dan

(b) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengatasi kesilapan seperti ini daripada berulang lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2015 hingga 30 Jun 2017, sebanyak 1,999 permohonan pindaan butiran agama di negeri Sabah dengan perincian seperti mana berikut:

Jenis Pindaan Butiran Agama	Jumlah (Permohonan)
Pindaan agama daripada " Bukan Islam" kepada "Islam".	63
Pindaan agama daripada "Islam" kepada "Bukan Islam".	1,936
Jumlah Keseluruhan (Permohonan)	1,999

- (b) Prosedur bagi pengeluaran Kad Pengenalan adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh seseorang individu dengan melengkapkan maklumat peribadi mereka di dalam borang permohonan. Borang permohonan tersebut merupakan sebuah rekod simpanan kekal yang akan dijadikan sebagai rujukan, khususnya jika berlaku sebarang pertikaian maklumat. Seseorang individu bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan serta

mengisytiharkan setiap maklumat yang dikemukakannya kepada JPN adalah tepat dan benar.

Selain itu, JPN juga sentiasa memastikan ketepatan maklumat agama seseorang individu dengan melakukan semakan silang antara maklumat yang diisytiharkan oleh pemohon dengan rekod Sijil Kelahiran sedia ada individu serta ahli keluarga mereka seperti mana dalam pangkalan data JPN. Sekiranya terdapat keperluan, semakan lanjut dengan pihak berkepentingan seperti Pihak Berkuasa Agama Negeri turut akan dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kesilapan catatan status agama di dalam kad pengenalan adalah disebabkan oleh kesilapan perkeranian, adalah menjadi *Standard Operating Prosedure* (SOP) Jabatan untuk menyelesaikannya dalam tempoh satu hari jika tidak melibatkan semakan rekod atau 30 hari sekiranya memerlukan semakan rekod fizikal.

Peraturan 14, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 juga telah menggariskan bahawa bagi individu yang memiliki Kad Pengenalan dan mendapati bahawa terdapatnya butiran yang tidak tepat dengan fakta sebenar berkenaan dirinya boleh memohon pindaan butiran Kad Pengenalan di JPN. Dalam hal ini, bagi permohonan yang

8

melibatkan pindaan butiran agama, dokumen yang mesti dikemukakan adalah:

- (i) Perintah Mahkamah Syariah atau pengesahan daripada Pihak Berkuasa Agama Negeri (khusus untuk negeri Sarawak) bagi pertukaran butiran agama atau nama daripada Islam kepada bukan Islam; atau**
- (ii) Sijil atau Kad Memeluk Agama Islam ibu atau bapa pemilik Sijil Kelahiran bagi pemelukan agama Islam tidak kira sama ada terdapat pertukaran butiran nama atau mengekalkan nama asal; atau**
- (iii) Sijil Baptisma atau surat pengesahan memeluk agama Buddha atau Hindu atau Sikhisma bagi permohonan pertukaran butiran agama yang melibatkan pertukaran nama.**